

06 AUG 2001

Arroyo-Previu

LAWATAN ARROYO MENAWARKAN HARAPAN HUBUNGAN LEBIH BAIK MANILA-KL

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Presiden Filipina Gloria Arroyo tiba di sini esok untuk memulakan lawatan tiga hari bertujuan mengukuhkan lagi hubungan antara Manila dan Kuala Lumpur.

Ini akan merupakan lawatan ke luar negara pertama beliau sejak memegang jawatan presiden kepada negara yang mempunyai kira-kira 74 juta penduduk yang dikenali sebagai "People Power II" itu pada awal tahun ini, menggantikan Presiden Joseph Estrada.

Dalam temubual dengan media beberapa hari sebelum beliau berlepas ke Kuala Lumpur, presiden bertubuh kecil itu dilaporkan berkata beliau berhasrat untuk melahirkan penghargaan kepada Malaysia, terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi sumbangan terhadap usaha untuk membawa keamanan dan pembangunan kepada Mindanao di selatan Filipina.

Malaysia telah menganjurkan dua perbincangan keamanan -- pertamanya mengenai penyatuan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dan kumpulan serpihannya Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dan keduanya melibatkan rundingan damai antara MILF dan Kerajaan Filipina.

Satu perjanjian perpaduan telah ditetapkan untuk ditandatangani antara MILF dan MNLF semasa lawatan Arroyo, satu langkah yang disifatkan oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini sebagai sesuatu yang akan menandakan permulaan baru bagi orang Moro. Orang Islam di selatan Filipina dikenali sebagai orang Moro.

Selain itu, Manila sedang cuba menyekat kumpulan Abu Sayyaf, juga beroperasi di selatan Filipina, yang dilaporkan menculik dan memancung beberapa rakyat Filipina baru-baru ini.

Kerjasama ketenteraan antara Manila dan Kuala Lumpur telah dipertingkatkan berikutan penculikan rakyat Malaysia dan pelancong asing dari pulau peranginan Malaysia iaitu Pulau Sipadan tahun lepas oleh anggota Abu Sayyaf.

Lawatan Arroyo itu dilihat sebagai cubaan ikhlas untuk memperbaiki hubungan kendur Manila-Kuala Lumpur semasa tempoh pemerintahan Estrada berikutan kritiknya mengenai cara Malaysia mengendalikan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengenai perkara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata episod itu sepatutnya menjadi "perkara yang lepas, biarlah ia berlalu".

Katanya: "Kita mahu terus menjalin hubungan baik dengan Filipina di bawah pimpinan Arroyo dan sayapercaya beliau bersikap terbuka dalam perkara ini...hubungan antara kerajaan beliau dan kita adalah amat baik."

Meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara turut menjadi agenda Arroyo berdasarkan program lawatannya, sebahagian besarnya diperuntukkan kepada perjumpaan dan dialog perniagaan antara anggota masyarakat perniagaan kedua-dua belah pihak.

Filipina juga akan membincangkan dengan Malaysia mengenai cara-cara untuk mengaktifkan semula Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Bruneindonesia/Malaysia/Filipina (BIMP-EAGA).

Semasa lawatan Arroyo itu, Malaysia berharap untuk mengetahui dan memahami berhubung tindakan Manila baru-baru ini untuk campurtangan dalam pertelingkahan mengenai wilayah Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan antara Kuala Lumpur dan Jakarta.

-- BERNAMA

MAM MAM RHM